

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 18.11.2024 MASA: 04.00PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL SUKAN SEBERANG
PERAI 2024**

TARIKH / MASA / TEMPAT
22 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)
9.00 MALAM

**KOMPLEKS SUKAN MBSP BERTAM
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis

En Bernard Cheen Goon Hoi

En Zainuddin Bin Mohamed

Datuk Mohd Noor Bin Ahmad

En Muhamad Suzuki Bin Ahmad

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Norhayati Binti Sulaiman

Pengarah Perhubungan Komuniti Selaku Pengarah Karnival Sukan
Seberang Perai 2024

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Pengurus-Pengurus Pasukan

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Malam dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada malam ini untuk merasmikan Karnival Sukan Seberang Perai 2024. Karnival dua (2) hari ini, merupakan satu acara yang amat bermakna dalam usaha kita untuk memupuk semangat kesukanan, gaya hidup sihat, dan mengeratkan hubungan antara masyarakat di Seberang Perai.
2. Sebelum saya melangkah lebih jauh, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengajur, iaitu Jabatan Perhubungan Komuniti (PKOM) MBSP serta pihak-pihak yang terlibat seperti PESUKA, KOSPEMA, Pasukan Lawn Bowls MBSP, Pasukan Hoki MBSP, serta semua yang telah bekerja keras dalam memastikan kejayaan karnival sukan ini. Tanpa usaha dan dedikasi anda semua, acara ini pastinya tidak akan terlaksana dengan jayanya. Terima kasih juga kepada semua peserta yang telah mendaftar untuk menyertai karnival ini, serta semua hadirin yang hadir untuk memberi sokongan.
3. Karnival Sukan Seberang Perai 2024 yang julung kali dianjurkan ini menyaksikan pertandingan tiga (3) jenis sukan utama iaitu Boling Padang, Hoki, dan *Fit Warrior Challenge*. Setiap acara ini dirancang

dengan tujuan untuk memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat, tidak kira usia dan latar belakang untuk turut serta dalam aktiviti yang bukan sahaja menguji ketahanan fizikal, tetapi juga memupuk semangat kesepakatan dan kerja berpasukan.

4. Pertama, acara Boling Padang. Untuk kali pertama, kita akan menyaksikan penganjuran Piala Datuk Bandar menggantikan Piala YDP MBSP yang telah dianjurkan selama 16 tahun sejak tahun 2004. Konsep pertandingan kali ini adalah 24 jam tanpa henti, yang mana 32 pasukan akan bertanding tanpa henti untuk merebut gelaran juara. Kejohanan ini bukan sahaja melibatkan pasukan dari Seberang Perai, tetapi juga pasukan dari negeri-negeri lain seperti Kedah, Perlis, Perak dan Pulau Pinang, termasuk juga penyertaan daripada pelajar sekolah, universiti serta agensi kerajaan di Pulau Pinang. Yang paling istimewa adalah penyertaan sebanyak lima (5) pasukan yang terdiri daripada golongan OKU dalam kejohanan kali ini.
5. Penganjuran Piala Datuk Bandar ini menandakan perubahan besar dalam penganjuran acara Boling Padang di Seberang Perai. Sebagai makluman, penganjuran ini adalah yang terakhir di gelanggang boling padang sedia ada, memandangkan gelanggang ini akan dibaikpulih dan ditambahbaik bermula tahun hadapan. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) kini sedang dalam usaha menambah baik gelanggang ini dengan melantik perunding untuk mereka bentuk dan merangka kerja-kerja pemulihan, agar kemudahan ini dapat terus

digunakan dengan lebih baik dan selesa pada masa akan datang.

Saya percaya bahawa inisiatif ini akan memberi manfaat kepada komuniti dan terus memacu perkembangan sukan boling padang ini di Seberang Perai khasnya dan di Pulau Pinang.

6. Kedua, acara Hoki. Acara Hoki pada tahun ini merupakan penganjuran Piala Datuk Bandar kali kedua. Edisi pertama pada tahun 2022 telah menyaksikan kejayaan cemerlang pasukan MBSP sebagai juara. Pada hari ini, kita akan menyaksikan enam (6) pasukan dari pelbagai agensi kerajaan di Pulau Pinang bertanding untuk merebut gelaran juara dalam Piala Datuk Bandar kali kedua ini. Hoki, sebagai sukan yang penuh kelajuan, ketangkasan dan semangat berpasukan, pasti akan memberikan saingan yang sengit dalam kalangan pasukan-pasukan yang bertanding. Saya yakin pertandingan ini akan memperlihatkan permainan yang berkualiti dan semangat kesukanan yang tinggi.
7. Ketiga, *Fit Warrior Challenge*. Acara ini merupakan acara yang julung kali diadakan dan ia melibatkan cabaran fizikal kepada semua peserta. Sebanyak 50 orang peserta akan menguji kekuatan, ketahanan, dan daya fizikal mereka dalam menghadapi cabaran yang telah disediakan. Saya yakin bahawa acara ini akan memberi pengalaman yang menginspirasi dan mendorong kita semua untuk terus menjaga kesihatan dan kecergasan.

8. Lebih menarik lagi, sebagai tanda penghargaan kepada semua pemenang, hadiah keseluruhan untuk ketiga-tiga acara ini adalah melebihi RM12,000.00. Saya berharap hadiah ini dapat menjadi insentif kepada semua peserta untuk memberikan yang terbaik dalam setiap acara dan seterusnya meningkatkan semangat kesukanan serta gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat.
9. Saya berharap agar karnival ini bukan sahaja memberi ruang kepada peserta untuk bersaing dengan semangat kesukanan yang tinggi, tetapi juga menjadi satu platform untuk kita semua merasai kegembiraan dan keakraban melalui aktiviti yang menyihatkan tubuh badan. Semoga acara ini juga dapat mendorong masyarakat Seberang Perai untuk terus mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat, sekaligus memperkuatkkan hubungan antara komuniti melalui sukan.
10. Saya juga berharap Karnival Sukan Seberang Perai seperti ini dapat diteruskan setiap tahun dengan mempelbagaikan lagi kategori sukan seperti Bola Sepak, Bola Jaring, Karom serta sukan-sukan lain selain dari sukan yang dipertandingkan pada tahun ini.
11. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pasukan Lawn Bowls MBSP, Pasukan Hoki MBSP, Team Gimnasium MBSP, Persatuan Lawn Bowls Pulau Pinang, Persatuan Hoki Pulau Pinang, para petugas MBSP, para Pengadil, pegawai Teknikal, tidak lupa juga kepada penganjur bersama PESUKA, KOSPEMA Berhad dan semua yang terlibat dalam

penganjuran karnival ini dan setinggi-tinggi terima kasih kepada para peserta yang telah menunjukkan minat untuk menyertai acara-acara yang diadakan. Saya juga ingin mengucapkan selamat bertanding kepada semua peserta. Jadikan setiap pertandingan ini sebagai satu peluang untuk belajar, berkembang, dan memperbaiki diri.

12. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan ***Karnival Sukan Seberang Perai 2024***, dan saya berharap semua acara berjalan dengan lancar, penuh semangat, dan memberikan manfaat kepada kita semua.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.